



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tel : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

“ MUAFAKAT KEDAH ”

Ruj.Kami : JPK.SKPP.UNP.S.500-3/12/21 JLD.2(3)

Tarikh : 8 Jun 2017

Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Semua Pengetua Sekolah Menengah,
Semua Guru Besar Sekolah Rendah,
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan/Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (PKP) SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI TEMPOH JULAI 2017 HINGGA JUN 2018

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPMS.500-3/13/1 JLD 18(57) bertarikh 5 Jun 2017 mengenai perkara tersebut di atas.


2. Untuk makluman tuán/puan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara TBBK Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) melalui sistem ePangkat yang boleh dicapai melalui laman sesawang <http://apps9.moe.gov.my/epangkat>.

3. Sehubungan itu, tuan/puan sebagai Ketua Jabatan dikehendaki memperakukan pegawai yang telah berkhidmat genap **13 tahun** dalam skim perkhidmatan semasa iaitu lantikan pada **1 Julai 2004 hingga 30 Jun 2005 (urusan semasa)**. Sila pastikan pegawai yang terlibat mengisi Borang Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (**Lampiran B1**), diberi penilaian oleh Pegawai Penilai dan markah tersebut perlu diisikan ke dalam sistem ePangkat. Bagi markah KC (Lampiran B1) kurang daripada 5 markah ke bawah, tuan/puan dikehendaki memaklumkan kepada pegawai berkenaan untuk membuat rayuan dengan kadar **SEGERA** dan dikemukakan ke Panel Rayuan supaya keputusan dapat dibuat sebelum tarikh tutup iklan dalam sistem ePangkat.

4. Jawatan-jawatan yang terlibat bagi urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Sukacita diingatkan Pembantu Am Pejabat Gred N1, Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Pekerja Awam Gred R1 yang telah bersetuju menerima pertukaran perantikan berikutan penggabungan Skim Perkhidmatan mulai 1.11.2013 tidak layak diperakukan dalam urusan ini.

“1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Sila patalkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



5. Ketua Jabatan adalah dikehendaki memperakukan **HANYA CALON YANG BELUM DIPERAKUKAN SEBELUM INI** untuk urusan kenaikan pangkat. Sebarang kecuaiian memperakukan semula calon yang telah dinaikkan pangkat bagi urusan berkenaan akan **dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan yang membuat perakuan tersebut.**

6. Sebelum memperakukan pegawai yang terlibat, tuan/puan diminta mengemaskini maklumat pegawai seterusnya mengesahkan dalam sistem ePangkat perkara seperti Maklumat Peribadi, Maklumat Pengisytiharan Harta, Maklumat Perkhidmatan PKP, Cuti Tanpa Gaji, Cuti Belajar Tanpa Gaji, Cuti Belajar Bergaji, Tempoh Percubaan Berdenda, Maklumat Tatatertib dan Maklumat Prestasi (Tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016). Ketua Jabatan dipertanggungjawabkan sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang ketidaktepatan maklumat pegawai.

7. Halaman **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) hendak dimuat naik (upload)** di dalam sistem ePangkat dengan menggunakan format pdf seperti berikut :-

- 7.1. Halaman 1 - Halaman depan BPK dan tarikh lantik jawatan semasa (sekarang).
- 7.2. Halaman 2 - Tarikh sah dalam perkhidmatan.
- 7.3. Halaman 3 - Halaman yang terakhir yang telah dikemas kini.

8. Bagi melancarkan urusan kenaikan pangkat ini, kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk memperakukan pegawai yang layak mengikut syarat iklan melalui sistem berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut :

Peringkat PPD / Sekolah	Tarikh Mula	Tarikh tutup
Ketua Jabatan (PPD /Pengetua/Guru Besar)	13 Jun 2017 (Selasa)	9 Julai 2017 (Ahad) Jam 11.59 Malam

9. Pegawai seperti berikut yang perlu diperakukan secara manual :

- 9.1. Pegawai yang mengambil Cuti Belajar, sama ada Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG).
- 9.2. Pegawai yang telah diluluskan Cuti Separuh Gaji (CSG) dan/atau Cuti Tanpa Gaji (CTG).

- 9.3. Pegawai yang telah dikenakan pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Berdenda (TPB)
- 9.4. Pegawai yang diperaku tetapi gagal dalam urusan berkenaan kerana LNPT tidak mencapai tahap yang ditetapkan/KC tidak mencapai tahap yang ditetapkan.
- 9.5. Pegawai yang telah bersara/meninggal dunia.

10. LKPPP Bilangan 5 Tahun 2015 telah memutuskan bahawa Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) yang **sedang disiasat / dalam prosiding tatatertib / telah dikenakan tindakan tatatertib TIDAK BOLEH DIPERAKUKAN** dalam urusan kenaikan pangkat. Ketua Jabatan hanya boleh memperaku PKP tersebut setelah keputusan tatatertib diperolehi dan kes selesai.

11. Sebarang pertanyaan tentang urusan ini, sila hubungi **Encik Abdul Razak Bin Ahmad di talian 04-7404150.**

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ MUAFAKAT KEDAH ”

“ PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG ”

Saya yang menurut perintah,



(SAIDI BIN SHAARI)

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.

s.k.

1. Semua Ketua Sektor,
2. Semua Penyelia ICT,
Pejabat Pendidikan Daerah,
- Sila masukkan surat ini dalam portal rasmi Pejabat Pendidikan Daerah masing- masing.

Lampiran A

Bil.	Jawatan	Gred
1	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Gred N19
2	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Gred W19
3	Pembantu Pengurusan Murid	Gred N19
3	Pembantu Makmal	Gred C19
4	Penyelia Asrama	Gred N19
5	Tukang K2	Gred R11
6	Tukang K3	Gred R9
7	Pemandu Kenderaan	Gred R3
8	Pembantu Am Pejabat	Gred N1
9	Pekerja Awam	Gred R1

**Borang Penilaian *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan
(bagi Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 13 tahun dan lebih)**

A. MAKLUMAT PEGAWAI

(i) Nama dan No.KP : _____

(ii) Skim Perkhidmatan : _____

(iii) Jawatan dan Gred : _____

(iv) Kementerian / Jabatan : _____

(v) LNPT (3 tahun terkini) :

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3 (terkini)

B. PENILAIAN PENYELIA

Saya _____ (nama) _____ (nama jawatan)
Gred _____ menilai pegawai ini seperti berikut:

	Rendah (1 markah)	Sederhana (2 markah)	Tinggi (3 markah)
a. Mempunyai sikap yang positif, teladan (<i>role model</i>) dan berketerampilan yang baik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Menunjukkan komitmen terhadap tugas semasa dan bersedia menerima tanggung jawab tambahan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Mempamerkan kesediaan untuk berkongsi pengetahuan / pengalaman dengan rakan sekerja / pegawai lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
JUMLAH MARKAH		<input type="text"/>	

Kategori	3 – 5 markah (Kurang memuaskan)	6 – 7 markah (Baik)	8 – 9 markah (Cemerlang)
[sila tanda (/) di ruangan yang disediakan berdasarkan jumlah markah yang diberi]	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

C. ULASAN PENYELIA (jika ada)

Tarikh :

(Tandatangan Penyelia)

D. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh penyelia tersebut.

Ulasan (jika ada) : _____

Tarikh :

(Tandatangan Ketua Jabatan)
Cop Rasmi

(borang ini hendaklah diklasifikasikan sebagai "SULIT" apabila ianya dilengkapkan)